



NOTIS PEMBERITAHUAN

TARIKH PERMOHONAN LOT NIAGA TAPAK BAZAR RAMADAN DAERAH BANDAR BAHARU

SYARAT PERMOHONAN

1. Pemohon berusia 18 tahun ke atas.
2. Merupakan warganegara Malaysia.
3. Pemohon bebas dari sebarang liabiliti dengan pihak Majlis.
(Tiada tunggakan sewa, cukai dan kompaun)
4. Dibenarkan menjalankan perniagaan berasaskan makanan dan minuman sahaja.

DOKUMEN SOKONGAN YANG WAJIB DI MUAT NAIK

1. Butiran pemohon
 - i. Gambar pemohon
 - ii. Salinan kad pengenalan pemohon
 - iii. Salinan kad suntikan pemohon (**tarikh tamat suntikan 30 Mac 2026**)
 - iv. Salinan sijil pengendali makanan pemohon
2. Butiran pembantu – **wajib seorang pembantu**
 - i. Salinan kad suntikan pembantu (**tarikh tamat suntikan 30 Mac 2026**)
 - ii. Salinan sijil pengendali makanan pembantu

TARIKH PERMOHONAN

BIL.	LOKASI TAPAK BAZAR		JUMLAH LOT	TARIKH PERMOHONAN
1.	Bandar Baharu	Jalan Syariah	52	15.12.2025 (ISNIN)
		Tapak Dataran	142	16.12.2025 (SELASA)
2.	Dataran Seri Serdang		80	17.12.2025 (RABU)
3.	Tapak Pasar Malam Lubuk Buntar		18	18.12.2025 (KHAMIS)
4.	Tapak Pasar Malam Sungai Kecil Ilir		13	18.12.2025 (KHAMIS)

***NOTA PENTING:** Permohonan ini bermula jam 9.00 pagi dan berakhir jam 4.00 petang mengikut tarikh ditetapkan. Pautan permohonan ini akan ditutup secara automatik sekiranya lot tapak permohonan telah **PENUH**.

KAEDAH PERMOHONAN

1. Permohonan dibuat **SECARA ATAS TALIAN** (online).
2. Permohonan menggunakan konsep “**siapa cepat, dia dapat**” berdasarkan masa borang permohonan yang dihantar melalui pautan *google form* yang disediakan oleh pihak Majlis.
3. **Pautan borang permohonan** bagi lot niaga Bazar Ramadan akan diumumkan melalui laman sosial rasmi milik MDBB.
4. Pautan borang tersebut hanya **boleh dibuka pada tarikh dan tempoh masa yang ditetapkan** sahaja.
5. Pemohon **wajib mempunyai akaun Gmail** untuk membuat permohonan lot niaga tersebut.
6. Setiap **satu akaun Gmail** hanya dibenarkan menghantar **1 permohonan sahaja** dan permohonan tersebut tidak boleh dikemaskini selepas dihantar.
7. Pemohon juga hendaklah memastikan **ruang penyimpanan maklumat di akaun Gmail** pemohon **tidak penuh** bagi mengelakkan masalah ketika memuat naik dokumen sokongan.
8. Setiap pemohon hanya boleh memilih **mana-mana 1 lokasi** tapak bazar dengan **maksimum 2 lot niaga** sahaja.
9. Pihak Majlis akan menyemak dan meneliti semua permohonan dan dokumen yang dikemukakan untuk pengesahan. Pihak Majlis berhak **menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap** atau mengemukakan apa-apa dokumen sokongan yang bercanggah dengan syarat.
10. Pemohon yang **berjaya** memperoleh lot niaga di tapak Bazar Ramadan daerah Bandar Baharu **akan dihubungi** oleh pihak Majlis untuk urusan pembayaran.
11. Pemohon yang tidak dihubungi oleh pihak Majlis dalam tempoh 30 hari selepas tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya memperoleh lot niaga.
12. Jika maklumat atau dokumen yang dikemukakan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan, permohonan tersebut akan ditolak dan pemohon dalam senarai simpanan akan dipilih bagi menggantikan permohonan yang ditolak tersebut.
13. Pemohon perlu memastikan semua maklumat diisi dengan betul dan segala dokumen sokongan di muat naik dengan lengkap untuk mengelakkan permohonan tuan/puan ditolak.
14. Setiap pemohon **wajib mengemukakan butiran seorang pembantu** ketika mengisi borang permohonan.